

MAHATHIR - UMNO

1984

KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN HARI INI BAHAWA BELIAU TIDAK MENYOKONG ATAU MENYEBELAHI SESIAP DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO (UMMAAT) YANG LAIN +SAYA SELALU JELASKAN HAL INI, KALAU LAH ORANG-ORANG YANG LAIN MENANG DALAM PEMILIHAN TAHUN 1981, SAYA TETAP JUGA BERKATA SERUPA ITU+, KATA PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO DALAM TEMURAMAH KHAS DENGAN BERNAMA DI PEJABATNYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB SOALAN SAMA ADA KENYATAANNYA BARU-BARU INI YANG MENYERU PARA ANGGOTA UMNO MENGEKALKAN BARISAN YANG ADA KECUALILAH JIKA CALON-CALON ITU BOLEH MEMBERIKAN PILIHAN YANG LEBIH BAIK ATAU KEPIMPINAN YANG LEBIH BERKESAN, TELAH MENUNJUKKAN YANG BELIAU MENYEBELAHI MANA-MANA CALON TERTENTU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MENYEBUT S E C A R A KHUSUS KETIKA MEMBUAT KENYATAAN ITU KETIKA ITU KERANA IA D I M A K S U D K A N UNTUK MEMBERI KESEMPATAN KEPADA ORANG RAMA MEMBUAT TAF-SIRAN Masing-masing.

BELIAU ENGGAN MENGULAS MENGENAI PERTANDINGAN TIGA PENJURU MEREbut TIMBALAN PRESIDEN ANTARA PEMEGANG JAWATAN ITU SEKARANG, DATUK MUSA HITAM, MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN NAIB-PRESIDEN UMNO, DATUK HAJI HARUN IDRIS -- LAGI -->

MAHATHIR-UMNO 2 . KUALA LUMPUR

+SAYA TELAH BANYAK KALI MENJELASKAN PANDANGAN SAYA TIDAK PERLU LAGILAH SAYA MENGULANGINYA+, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA DITANYA SAMADA KENYATAANNYA DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG LALU BAHAWA BELIAU SEDANG BEKERJA DENGAN DATUK MUSA BERMAKNA SEKIRANYA ORANG LAIN TERPILIH SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN, SUKAR BAGI BELIAU BEKERJA DENGANNYA.

MENGENAI HAL INI BELIAU MEMETIK KATA-KATA BEKAS MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN +LEBIH BAIK BEKERJA DENGAN ORANG BAIK YANG KITA KENALI DARIPADA BEKERJA DENGAN ORANG BAIK YANG TIDAK KITA KENALI+.

DITANYA SAMADA BELIAU BERSETUJU DENGAN PENDAPAT SEBILANGAN ANGGOTA UMNO BAHAWA TENGGU RAZALEIGH SEPATUTNYA BERTANDING BAGI JAWATAN NAIB-PRESIDEN YANG AKAN MEMBOLEHKAN BELIAU MENERUSKAN SUMBANGANNYA KEPADA PARTI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +SAYA FIKIR ITU SATU JALAN KELUAR+.

+SAGAIMANAPUN, OLEH KERANA BELIAU TIDAK BERTANDING UNTUK JAWATAN NAIB-PRESIDEN, IA TIDAK MENJADI JALAN KELUAR LAGI.

+KIRA BOLEH MENGADAKAN TEMPAT UNTUK DUA ORANG TETAPI TIDAKLAH BAGI KERUSI YANG SAMA+, KATANYA.

--LAGI 1228 /AN

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KENYATAAN DATUK HARUN BAHAWA BELIAU BERTANDING BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UNTUK MENYATUPADUKAN ANGGOTA UMNO YANG MENURUTNYA BERPECAH BERIKUTAN PERTANDINGAN MUSA -RAZALEIGH DALAM PEMILIHAN 1981, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA, DARI SATU SEGI ADA JUGA BENARNYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENGINGATKAN E A H A W A PARA ANGGOTA UMNO TIDAK HARUS JUGA LUPA BAHAWA DATUK HARUN BERTANDING BUKAN H A N Y A KERANA ISU ITU TETAPI JUGA K E R A N A TIDAK PUAS HATI DENGAN KEPIMPINAN SEKARANG.

DATUK SERI DR.MAHATHIR TIDAK BERSETUJU O E N G A N CADANGAN DATUK HARUN SUPAYA TIMBALAN PRESIDEN UMNO TIDAK HARUS MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI UNTUK MEMISAKAN KUASA PARTI O E N G A N KERAJAAN.

BELIAU BERKATA +AJALAH PENTING KERAJAAN DAPAT BERJALAN O E N G A N BERKESAN DAN UNTUK MENJADI EERAJAAN YANG BERKESAN PARTI UTAMA TIDAK BOLEH DIPISAHKAN TARIK PADA KUASA KERAJAAN+.

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA BIMBANG TERHADAP +ARAH ALIRAN TIDAK SIHAT+ DALAM KEMPEN YANG DIJALANKAN TERMASUK PENYEBARAN KAD NAMA, BUKU DAN RESALAH.

BELIAU DUKACITA K E R A N A TAKTIK TEKANAN DAN PAKSAAN JUGA SEDANG DIGUNAKAN.

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KEMPEN SEKARANG SUDAH MENJADI TIDAK MUNASABAH LAGI. IA SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT HAMA TUHAN PUN DIGUNAKAN UNTUK MENDAPATKAN KEMENANGAN. +SAYA FIKIR INI SUDAH SALAH+.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA JIKA ARAH ALPRAN ITU TIDAK DICEGAH, KEPAHITAN AKIBAT PERTANDINGAN ITU PASTI AKAN MEMUSNAHKAN PARTI.

BELIAU BERPENDAPAT BAHAWA PARA PEMIMPIN UMNO TIDAK PERLU +MENGIKLANKAN+ DIRI MEREA KERANA PRESTASI MEREA SAHAJA SUDAH CUKUP UNTUK MENJADI BUKTI.

+SAYA FIKIR, PADA ASASNYA, JIKA KITA BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BAIK, BERKHIDMAT UNTUK UMNO DENGAN BAIK, KITA A K A N DIIKTIRAF. MALAH JIKA KITA MEMBUAT SESUATU Y A N G BAIK, SAYA TIDAK FIKIR SESIAPA BOLEH MENYEKAT ORANG YANG BETUL-BETUL BAIK+, KATANYA MENJAWAB DAKWAAN KONONNYA SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN TIDAK DIBERIKAN LIPUTAN SEWAJARNYA OLEH AKHBAR-AKHBAR.

MEMANDANGKAN TIGA HARI LAGI MENJELANG PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI, DATUK SERI DR.MAHATHIR MENASIHATKAN PARA PERWAKILAN MEMIKIRKAN TENTANG UMNO, MASA DEPAN ORANG MELAYU DAN NEGARA APABILA MENGUNDI NANTI.

--LAGI 1300/AN

ICIC 8548

MAHATHIR-UMNO 5 KUALA LUMPUR

+APA YANG SAYA KATAKAN IALAH MEREA HENDAKLAH FAHAM APA YANG DIPERJUANGKAN. BUKAN INDIVIDU TETAPI UMNO. MEREA HENDAKLAH FIKIR APA YANG BAIK UNTUK UMNO+, KATANYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENGULANGI APA YANG SELALU DITEKANKANNYA BAHAWA Y A N G MENANG TIDAK BERERTI MEMPEROLEHI SEGALA-GALANYA MANAKALA Y A N G TEWAS PULA TIDAK BERERTI AKAN LENYAP TERUS.

+KITA TIDAK BOLEH BERLAGAK BILA KITA MENANG KITA BOLEH TENDANG SESIAPA SAHAJA. KITA JUGA TIDAK BOLEH MENGANGGAP BILA KITA KALAH, KITA HILANG SEMUANYA. SAYA MAHU SETIAP ORANG MENERIMA KEPUTUSAN DAN MERAPATKAN BARISAN+, KATA BELIAU.

+ I TULAH YANG DIKEHENDAKI OLEH UMNO. JADI BIARKANLAH SEGITU+.

--BERNAMA 1302/AN